



Chamil Wariya menulis...

Dilema pimpinan dan politik Mahathir

TIADA siapa boleh menafikan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir Mphamad menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1981 dengan sokongan yang popular. Di dalam UMNO sendiri beliau diterima sebagai presiden parti dengan sokongan jitu dan padu. Di luar UMNO pula, dasar - dasar baru yang beliau perkenalkan telah menarik sokongan yang meluas dari pihak - pihak yang sebelum Datuk Sri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri mendapati sukar untuk menyokong kerajaan.

Semua sokongan ini diberikan kerana Datuk Sri Dr. Mahathir tidak menjadi Perdana Menteri dengan tangan kosong. Lama sebelum beliau mengambil alih pimpinan negara, beliau sudah menjadi jaguh bangsa Melayu kerana kelantangan beliau mengkritik pimpinan Tunku yang didakwa tidak melaksanakan program - program politik, sosial dan ekonomi yang menguntungkan mereka. Kerana pendirian ini, beliau telah digelar ultra oleh bukan Melayu.

Tetapi selepas masuk ke dalam kabinet, Datuk Sri Dr. Mahathir membuktikan bahawa ketakutan bukan Melayu terhadap beliau adalah tidak berasas. Dan setelah menjadi Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir, selain dari memperjuangkan orang Melayu, tidak pula mengabaikan bukan Melayu. Dalam ucapan - ucapannya beliau menekankan soal Malaysia sebagai sebuah negara berbagai kaum, berbagai kebudayaan dan agama.

Malaysia sebagai sebuah negara industri kerana beliau tahu selagi ekonomi negara ini diasaskan kepada pertanian, selagi itulah ia akan diperkotak - katikkan oleh negara - negara maju.

Sebagai negara yang bergantung pendapatan kepada komoditi, Datuk Sri Dr. Mahathir tahu bahawa harga bahan - bahan itu boleh dimanipulasikan oleh negara - negara pembeli yang kebanyakannya terdiri dari negara industri. Harganya tidak stabil dan tertakluk kepada permintaan dan bekalan yang boleh dipermainkan oleh mereka.

Kerana itu beliau ingin mencontohi Jepun yang telah berjaya menjadikan dirinya sebagai negara Timur yang boleh melawan Eropah dan Amerika dalam bidang perusahan. Untuk tujuan ini, dasar pandang ke timur diperkenalkan. Dasar khusus memberi perhatian kepada industri berat juga disertai pada mulanya dalam pembikinan simen, kemudian besi waja dan akhir sekali pembuatan kereta nasional yang diberi nama Proton Saga.

Untuk meningkatkan lagi kecekapan bekerja, dasar penswastaaan jabatan - jabatan kerajaan dikuatkuasakan. Dasar ini juga boleh mengurangkan beban kewangan kerajaan. Sistem pengurusan Sogoshosha Jepun juga digalakkan melalui Persyarikatan Malaysia.

Dalam bidang antarabangsa pula, Datuk Sri Dr. Mahathir mengambil sikap berani

mereka yang terlibat tidak boleh membawa 'kes mereka ke mahkamah seperti sebelum ini.

Soalnya: Mengapa pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir yang begitu popular pada mulanya, dicabar dan dimusuhi oleh kalangan tertentu hanya lima tahun selepas beliau menjadi Perdana Menteri?

Apakah kerana Datuk Sri Dr. Mahathir sudah berubah, tidak lagi liberal dan bersikap terbuka, atau kerana antara 1981 hingga 1986 telah berlaku perubahan - perubahan yang berada di luar kawalan Datuk Sri Dr. Mahathir yang telah menyulitkan beliau melaksanakan program - program politik, ekonomi dan sosial yang bercita - cita besar untuk meninggikan maruah bangsa itu?

Jawapan kepada persoalan ini boleh dilihat dari berbagai perspektif dan perkara ini akan cuba dilakukan dengan melihat iklim yang berubah di dalam dan di luar negeri sesudah Datuk Sri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Perubahan pertama yang ketara berlaku sebaik saja Datuk Sri Dr. Mahathir mengambil - alih pimpinan negara ialah kemelesetan ekonomi. Walaupun fenomena ini mula dirasakan oleh kebanyakan negara maju sejak 1979 lagi, tetapi negara ini mula mengalaminya mulai awal tahun lapan puluhan apabila seperti negara - negara membangun yang lain, Malaysia juga mengalami masalah untuk menjual komoditi akibat permintaan

Tindakan ini telah melenyapkan kebimbangan bukan Melayu terhadap pimpinan beliau. Sebahagian kebimbangan mereka terhadap pendirian pro-Melayu Datuk Sri Dr. Mahathir masih ada dan dipendam untuk disuarakan kemudian seperti yang dibuat bila mereka merasakan pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir sudah lemah.

Komitment beliau untuk mewujudkan dasar - dasar yang lebih liberal dan sebuah kerajaan terbuka telah menarik sokongan kumpulan - kumpulan yang selama ini merasa tertindas kerana sikap kritikal mereka terhadap kerajaan.

Untuk membuktikan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir benar - benar inginkan keliberalan, tindakan pertama beliau setelah mendapat kuasa ialah untuk membebaskan tahanan - tahanan politik di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Hanya mereka — dan jumlahnya tidak banyak — yang benar - benar mengancam keselamatan negara saja yang diletakkan di bawah tahanan. Kebanyakan mereka terdiri dari “hardcore” komunis. Yang lain termasuk mereka yang ditahan kerana mengkritik kerajaan, telah dibebaskan.

Sokongan popular kepada Datuk Sri Dr. Mahathir juga diberikan kerana komitment beliau untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Ini membayangkan bahawa beliau benar - benar ingin membersihkan kerajaan dari amalan - amalan rasuah atau korup ke arah mewujudkan sebuah kerajaan yang lebih berwibawa dengan kakitangan yang cekap bekerja.

Kelewatan birokrasi kerana halangan pita merah ingin dihapuskan. Rakyat yang berurusan dengan kerajaan yang selama ini terpaksa turun naik pejabat, tidak lagi akan melalui pengalaman serupa itu. Tidak akan ada lagi barisan panjang di pejabat - pejabat kerajaan untuk membayar bil elektrik, atau air kerana adanya di sebuah pentadbiran yang licin kerana di mana pegawai-pegawai awam berada kini boleh dikesan melalui kedatangan dan kepulangan mereka bekerja melalui kad perakam waktu untuk semua peringkat kakitangan — dari budak pejabat membawal kepada ketua - ketua pejabat dan para menteri.

untuk menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara kecil yang tidak akan tunduk kepada tekanan mana-mana kuasa, termasuk kuasa - kuasa besar.

Beliau sanggup melawan arus mengkritik sikap “double standard” negara - negara maju yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas, tetapi mengenakan berbagai halangan kepada kemasukan barangan dari negara membangun yang merugikan Malaysia.

Beliau juga menganjurkan perubahan dalam cara mentadbirkan Antartika yang kini diuruskan oleh satu perjanjian yang hanya menghadkan benua berais yang kaya dengan sumber - sumber mentah itu kepada negara - negara yang terletak berdekatan dengannya serta kuasa - kuasa besar sahaja.

Beliau mempunyai program yang baik yang sepatutnya mendapat sokongan di dalam dan di luar negeri yang tidak dimiliki oleh pemimpin Malaysia sebelum ini

Datuk Sri Dr. Mahathir mencadangkan supaya Antartika dijadikan sebagai warisan bersama semua bangsa di muka bumi ini dalam mana semua orang mempunyai hak yang sama. Cadangan beliau ini mendapat sokongan dari banyak negara kecil yang lain, walaupun dipandang sepi oleh kuasa - kuasa besar seperti Amerika dan Soviet Union.

yang berkurangan.

Akibatnya, dunia mendapati bahawa bekalan bagi bahan - bahan mentah mengatasi permintaan. Logik mudah ekonomi ialah harga komoditi termasuk minyak mentah, menurun dengan banyaknya. Harga minyak yang pada satu ketika sebelum 1985 berada di paras tertinggi AS\$30 setong, menjunam ke paras AS\$10 setong menjelang pertengahan 1986.

Negara - negara yang bergantung pada komoditi sebagai pendapatan utama mereka, mengalami kekurangan pendapatan. Malaysia juga terlibat. Akibatnya, banyak program pembangunan, terutama yang besar - besar terpaksa ditangguhkan buat sementara.

Bagi Datuk Sri Dr. Mahathir, kemelesetan ekonomi telah menjejaskan kemampuannya untuk meneruskan perusahaan berat dengan cara yang agresif. Dalam keadaan kekurangan wang itu, usaha Datuk Sri Dr. Mahathir untuk membelanjakan wang bagi perusahaan berat mula dilihat sebagai membuang wang ke dalam longkang kerana hasilnya tidak dapat dilihat dalam waktu yang segera.

Pimpinan beliau mula digugat oleh mereka yang merasa bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir telah meletakkan prioriti yang silap dalam rancangan ekonominya. Masalah ini pula dirumitkan oleh hakikat bahawa setelah projek kereta nasional mengeluarkan hasil, ia mendapati sukar untuk menembusi pasaran - pasaran mewah di Eropah dan Amerika.

Apabila hanya Sri Lanka, Bangladesh yang saja menunjukkan minat untuk mengimport Proton Saga, maka ada tuduhan, kita tahu tidak benar, bahawa Malaysia mengeluarkan kereta yang “suspect” yang hanya sanggup dibeli oleh negara miskin.

Pengkritik Datuk Sri Dr. Mahathir seolah - olah ingin menafikan hakikat bahawa untuk menembusi pasaran negara - negara maju, yang mengeluarkan kereta mereka sendiri, adalah sukar kerana amalan - amalan halangan yang mereka laksanakan untuk melindungi industri kereta mereka sendiri.

Kesediaan

Gambaran yang ada dalam kepala rakyat ialah kesenangan mereka berurusan dengan kerajaan yang dapat mereka saksikan dalam wayang - wayang di kaca TV. Mereka berasa bahagia kerana di bawah Datuk Sri Dr. Mahathir lahirlah sebuah Malaysia yang lebih bersih, cekap dan amanah.

Mereka yang meragui komitmen kerajaan terhadap Islam juga menyokong Datuk Sri Dr. Mahathir. Ini kerana Datuk Sri Dr. Mahathir menjadi pemimpin UMNO yang pertama mengumumkan dasar penerapan nilai - nilai Islam yang mereka rasa selama ini tidak begitu diberi perhatian.

Dengan adanya dasar ini, penekanan bukan saja diberikan kepada pembinaan masjid atau surau yang digunakan sebagai tempat ibadat, tetapi institusi seperti Bank Islam, Universiti Islam, Takaful Islam, sistem faraid dan sebagainya.

Di bawah pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir, orang - orang Islam mempunyai pilihan sama ada ingin terus bergelumang dengan sistem kafir yang diperkenalkan oleh Barat atau Yahudi yang mereka katakan zalim, atau berpindah kepada sistem Islam dalam mendapatkan pinjaman, membeli rumah, belajar dan sebagainya.

Kerana adanya dasar - dasar yang memuaskan setiap pihak ini, tidaklah menghairankan Datuk Sri Dr. Mahathir berjaya memikat sokongan kumpulan - kumpulan yang selama ini tidak bersama kerajaan.

Tetapi bukan ini saja yang membuat mereka menyokong kerajaan dan Datuk Sri Dr. Mahathir. Sebab lebih besar ialah kerana sebagai Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir mempunyai cita-cita besar untuk negara. Beliau ingin menjadikan Malaysia sebuah negara dan bangsa yang bernaung yang tidak lagi dipandang rendah oleh bangsa - bangsa lain di muka bumi ini.

Untuk tujuan ini, tidak seperti perdana menteri - perdana menteri sebelum ini, Datuk Sri Dr. Mahathir memperkenalkan beberapa perubahan struktur dalam ekonomi negara. Beliau mempunyai *vision* untuk menjadikan

Kerana menyedari bahawa negara - negara membangun perlu bekerjasama sesama mereka untuk menghadapi dunia maju, Datuk Sri Dr. Mahathir memainkan peranan yang penting dan instrumental dalam pembentukan Suruhanjaya Selatan - Selatan yang telah beliau umumkan pembentukannya di sidang puncak berkecuali di Harare Zimbabwe pada akhir tahun 1986.

Jelas bahawa dalam masa yang singkat, Datuk Sri Dr. Mahathir membuktikan bahawa beliau mempunyai program yang baik yang sepatutnya mendapat sokongan di dalam dan di luar negeri yang tidak dimiliki oleh pemimpin - pemimpin Malaysia sebelum ini.

Kerana idea-idea bernasnya ini, ada kalangan menganggap Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai seorang ahli politik yang terbaik pernah dihasilkan oleh negara ini. Tetapi malangnya, program - program yang baik ini yang sepatutnya menjadikan beliau lebih popular, telah memberi kesan yang sebaliknya kepada beliau.

Di dalam negeri pimpinan beliau dicabar, bukan saja oleh kalangan dalam parti beliau sendiri, tetapi oleh para pemimpin kumpulan pendesak yang telah membawa kesulitan terhadap pimpinan beliau.

Ini kerana mereka telah mengambil kesempatan dari dasar liberal dan terbuka Datuk Sri Dr. Mahathir untuk meredakan peranan lebih dari sepatutnya dengan menimbulkan soal-soal yang didakwa oleh pihak polis boleh menghuru - hurakan negara sehingga memaksa Datuk Sri Dr. Mahathir mengambil tindakan - tindakan keras di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), mengetatkan lagi Akta Rahsia Rasmi serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan 1984) yang antara lain memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk melarang penerbitan bahan - bahan yang boleh membuat orang ramai gempar. Selain dari itu, kuasa menteri dalam membuat keputusan termasuk membatalkan permit penerbitan adalah muktamad. Ini bermakna

Tetapi kesediaan dua syarikat di Amerika dan London untuk memasarkan Proton Saga kedua buah negara itu mulai tahun 1988 membuktikan dakwaan bahawa kereta nasional adalah "suspect" sebenarnya tidak benar. Ini kerana di bawah rancangan itu nanti, 40,000 kereta nasional akan dijual di pasaran Amerika saja setahun.

Sekiranya ini betul, maka keputusan Datuk Sri Dr. Mahathir untuk membuat kereta sendiri menggunakan teknologi Jepun tidak sia-sia. Ribuan juta ringgit yang sudah dilaburkan dalam industri itu akan membawa pulangan yang menguntungkan.

Kemelesetan ekonomi juga menimbulkan masalah sosial lain yang tidak pernah dihadapi oleh perdana menteri - perdana menteri sebelum beliau. Antaranya termasuklah masalah pengangguran, terutama di kalangan siswazah.

Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, dalam satu ucapan kepada para pelajar Malaysia di Washington pada akhir tahun 1986 menganggarkan bahawa jumlah siswazah menganggur mulai Julai 1987 ialah kira-kira 35,000. Jumlah itu sudah pasti meningkat memandangkan bahawa selepas 1987, kerajaan sendiri tidak lagi dapat mengambil pekerja seperti yang pernah dilakukan dalam tahun - tahun tujuh puluhan.

Yang menghadapi masalah besar dalam mencari kerja ini ialah siswazah Melayu. Tidak seperti siswazah Cina, mereka selama ini bergantung kepada sektor awam untuk pekerjaan selepas menamatkan pengajian masing - masing.

Sehingga awal 1980an, pekerjaan untuk mereka yang pulang adalah automatik, tetapi akibat pengecutan ekonomi, mereka yang terikat dengan biasiswa kerajaan juga terpaksa dilepaskan untuk mengusahakan pekerjaan sendiri. Kegagalan menyediakan pekerjaan ini juga diletakkan ke atas bahu Datuk Sri Dr. Mahathir, walaupun tanggungjawab itu bukan beliau yang sepatutnya pikul.

Kemelesetan ekonomi juga menyebabkan kerajaan terpaksa mengurangkan perbe-

Usahnya untuk membelanjakan wang bagi perusahaan berat mula dilihat sebagai membuang wang ke dalam longkang kerana hasilnya tidak dapat dilihat dalam waktu yang segera

lanjaan dalam negeri. Ini bermakna mengurangkan banyak peluang untuk usahawan bumiputera yang selama ini bergantung pada projek - projek dan tender kerajaan untuk hidup.

Kebanyakan mereka tidak bersedia untuk menghadapi penderitaan ini kerana di kalangan mereka, termasuk para penyokong Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri, sudah wujud kesedaran ekonomi yang tinggi akibat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sejak 1971. Kurangnya peluang mendapatkan tender dan kontrak inilah yang telah menimbulkan rasa tidak puas hati sebilangan usahawan terhadap pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Lantaran itu dakwaan ditimbulkan bahawa dalam mengagihkan ekonomi di zaman meleset ini, Perdana Menteri hanya memilih mereka yang rapat dengan beliau saja — satu dakwaan yang umum tahu tidak seratus peratus benar.

Yang terhimpit oleh kekurangan tender dan kontrak ini bukan saja usahawan Melayu yang ditaja oleh DEB, tetapi juga kakitangan awam yang kebanyakannya terdiri dari orang-orang Melayu. Pelarasan gaji untuk mereka yang di masa lalu diadakan setiap lima tahun sekali telah tiba untuk disemak semula sebaik saja Datuk Sri Dr. Mahathir mengambil alih kuasa. Tetapi kerana pendapatan negara berkurangan, Datuk Sri Dr. Mahathir telah tidak dapat berbuat demikian.

Sebaliknya kerajaan terpaksa mengurangkan elaun pegawai - pegawai kanan termasuk para menteri. Keadaan inilah yang telah digunakan oleh kakitangan sektor awam untuk menyatakan rasa tidak puashati terhadap pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir.

dengan cara yang meyakinkan mengenai dasar industri berat, Dasar Pandang Ke Timur dan sebagainya. Ini jelas jika diteliti dalam ucapan sebilangan menteri beliau, apa yang dikehendaki tidak timbul.

Keadaan ini pula memaksa Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri mengelilingi negara untuk menerangkan apa yang beliau mahu. Keadaan ini membuat seorang pemerhati mengatakan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir dan sebilangan penyokong beliau sebenarnya hanya tidur sebantala, tetapi mempunyai mimpi masing-masing yang tersendiri.

Ada antara penyokong beliau yang faham dengan apa yang dibuat oleh Datuk Sri Dr. Mahathir tetapi tidak berkongsi segala vision atau cita-cita besar beliau itu. Secara terbuka mereka tidak menyatakan tentangan terhadap program besar Datuk Sri Dr. Mahathir itu terutama bagi penyokong yang berada dalam kabinet kerana mereka tertakluk dengan prinsip tanggungjawab bersama dan Akta Rahsia Rasmi .

Pandangan mengenai kehadiran anggota kabinet yang tidak setuju dengan program industri berat Datuk Sri Dr. Mahathir ini jelas kelihatan di masa lalu apabila beliau ditentang oleh mereka yang berada dalam team B. Dalam menentang D&K Sri Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh dan beberapa menteri yang lain telah menimbulkan soal kemungkaran politik dan ekonomi Datuk Sri Dr. Mahathir.

Sikap liberal dan demokratik Datuk Sri Dr. Mahathir juga menimbulkan masalah kepada cara Perdana Menteri bertindak kerana setiap tindak-tanduk kerajaan akhirnya dipersoalkan sehingga membangkitkan masalah oleh kumpulan - kumpulan tertentu yang kecil tetapi kelihatan berpengaruh dalam masyarakat .

Jelas di sini bahawa tafsiran liberal Perdana Menteri dengan kumpulan - kumpulan pendesak yang lain di dalam masyarakat berbeza. Bagi Datuk Sri Dr. Mahathir dasar liberal beliau hendaklah dilakukan dalam konteks realiti politik Malaysia - sebagai negara berbagai kaum - dan tidak terkeluar dari perkara - perkara asas yang ditetapkan oleh perlembagaan.

Kecenderungan

Bagi kumpulan pendesak pula mereka melihat liberal dalam konteks pengertian Barat yang menggalakkan sikap kritikal dengan melupakan hakikat bahawa di negara ini soal kaum adalah sensitif.

Tetapi hingga satu peringkat Datuk Sri Dr. Mahathir bersikap toleran terhadap apa yang berlaku. Beliau membiarkan perbincangan mengenai hal-hal yang di zaman Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein Onn dianggap sensitif tanpa sebarang tindakan.

Lantaran itu usaha Datuk Sri Dr. Mahathir kerap keluar negeri tatkala kita meleset sama ada untuk mencari pelabur atau mewakili Malaysia dalam sidang - sidang antarabangsa digunakan oleh sesetengah pihak sebagai peluru untuk menuduh bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir tetap hidup mewah walaupun kewangan negara tenat.

Mereka lupa bahawa lawatan Datuk Sri Dr. Mahathir setiap kali ke luar negeri sebenarnya berjaya menarik pulangan yang menguntungkan negara dari segi pelaburan atau pelaburan semula oleh syarikat-syarikat multinasional yang sedia ada.

Tetapi para pengkritik Perdana Menteri itu tidak mahu menerima hakikat itu. Sebaliknya mereka terus membuat tohmah yang bertujuan untuk menggugat pimpinan beliau dan melemahkan pimpinan Perdana Menteri.

Jelas di sini suka atau tidak kemelesetan ekonomi telah menimbulkan masalah besar dan rumit kepada Perdana Menteri untuk menguruskan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan maruah bangsa bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri seperti Jepun atau Korea.

Dari segi ini, ada pemerhati melihat bahawa segala cita - cita besar Datuk Sri Dr. Mahathir tidak dapat dipenuhi kerana masa ia dilaksanakan tidak kena kerana Malaysia sedang mengalami kemelesetan ekonomi yang tidak disebabkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir tetapi oleh faktor - faktor yang beliau tidak upaya kawal.

Selain dari kemelesetan ada kalangan melihat bahawa cita - cita besar Datuk Sri Dr. Mahathir untuk negara turut menjadi mangsa, kerana dalam meneruskan cita - cita itu beliau tidak mendapat sokongan dari orang - orang yang telah mendokong beliau.

Ada antara mereka oleh kerana Datuk Sri Dr. Mahathir telah bergerak terlalu laju, tidak memahami apa yang cuba dibuat oleh Datuk Sri Dr. Mahathir. Ada juga antara mereka memberi tafsiran yang silap tentang apa yang sebenarnya dikehendaki oleh Perdana Menteri.

Sebab itu mereka tidak dapat menerangkan idea Datuk Sri Dr Mahathir kepada rakyat

Ini termasuk kecenderungan akhbar - akhbar yang lebih banyak jumlahnya di zaman beliau berbanding dengan zaman - zaman Perdana Menteri yang lain untuk menimbulkan seolah - olah kerajaan tidak adil atau pro-Melayu.

Di bawah Datuk Sri Dr. Mahathir juga MCA dan Gerakan, dua komponen dalam Barisan Nasional telah bersatu dengan DAP di sebuah kuil untuk menyatakan bantahan terhadap soal kenaikan pangkat guru - guru Cina yang tidak terdidik dalam bahasa Mandarin oleh Kementerian Pendidikan. Tindakan itu telah menimbulkan kemarahan orang Melayu dalam UMNO yang melihat tindakan MCA dan Gerakan itu sebagai provokatif.

MCA berani berbuat demikian kerana apabila salah seorang pemimpinnya Lee Kim Sai menimbulkan soal yang amat sensitif bagi orang Melayu mengenai status pribumi mereka, beliau telah tidak menghadapi apa-apa hukuman.

Lantaran itu beliau menjadi lebih berani dan mewakili MCA duduk semeja dengan DAP untuk menentang kerajaan secara tidak langsung. Tetapi kali ini Datuk Sri Dr. Mahathir jelas tidak akan membiarkan perkara itu berlalu saja. Inilah keadaan yang telah mendorong beliau bertindak tegas menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan mereka yang menurut polis boleh mengancam keselamatan negara.

Tindakan Datuk Sri Dr. Mahathir mempersetujui polis menggunakan ISA itu telah menimbulkan berbagai reaksi. Ramai orang merasakan bahawa tindakan itu memperlihatkan Datuk Sri Dr. Mahathir seorang yang tegas. Tetapi ada pihak tidak setuju.

Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dalam kenyataan yang dipetik oleh banyak akhbar luar negeri dilaporkan telah berkata bahawa akibat tindakan Datuk Sri Dr. Mahathir itu telah mengancam sistem keparlimenan Malaysia. Kebanyakan akhbar - akhbar Baiat menjerit dengan tajuk berita "Malaysia is on the way to dictatorship."

**BERSAMBUNG DI UTUSAN
MALAYSIA ESOK**